



Lebih 80 peratus faktor utama kemalangan maut berpunca sikap manusia

Oleh Ahmad Suhael Adnan - Mac 2, 2023 @ 1:16pm
ahmad.suhael@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Lebih 80 peratus faktor utama nahas jalan raya sehingga mengakibatkan kematian di negara ini adalah berpunca daripada sikap manusia.

Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Hasbi Habibollah, berkata ia adalah rumusan berdasarkan hasil kajian Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) yang turut mendapati faktor rekaan, infrastruktur dan keadaan jalan hanya menyumbang sekitar 13 peratus kepada kemalangan maut di jalan raya.

Selain itu, beliau berkata, kira-kira tujuh peratus nahas menyebabkan kematian adalah berpunca daripada keadaan kelayakan jalan atau aspek teknikal kenderaan motor yang digunakan.

"Kementerian Pengangkutan (MOT) melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan MIROS telah melaksanakan pelbagai program intervensi bagi menangani isu keselamatan jalan raya secara berterusan.

"Sebagai contoh, program Kesedaran Keselamatan dan Advokasi Terfokus untuk Pengguna Jalan Raya (SAFER) telah dilaksanakan JPJ di seluruh negara dengan memfokuskan kumpulan sasar berbeza, dalam usaha memberi kesedaran mengenai keselamatan jalan raya, khususnya kepada penunggang motosikal.

"Ini kerana lebih 60 peratus kematian akibat nahas jalan raya adalah membabitkan penunggang motosikal," katanya pada sesi jawab lisan di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau menjawab soalan Syed Ibrahim Syed Noh (PH-Ledang) mengenai punca dan penyelesaian dilaksanakan kementerian berkenaan isu kemalangan jalan raya dan kematian akibat nahas.

Hasbi berkata, sebanyak 853 program advokasi khas untuk penunggang motosikal, termasuk advokasi khas p-hailing, dijalankan antara 2020 hingga tahun lalu, selain JPJ turut merangka pelaksanaan lebih 80 program membabitkan pelbagai skop kempen keselamatan jalan raya di seluruh negara sepanjang tahun ini.

Beliau berkata, kementerian juga telah meminda modul Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR), iaitu pada 2019 (sekolah rendah), 2020 (sekolah menengah rendah), 2021 (prasekolah dan TASKA) serta 2022 (sekolah swasta), selain sedang membangunkan modul sekolah pendidikan khas: pendengaran dan penglihatan, tahun ini.

"Dari aspek memastikan tahap keselamatan dan kelayakan jalan bagi kenderaan motor pula, JPJ mewajibkan semua kenderaan motor baharu yang hendak dipasarkan serta didaftar di Malaysia, untuk melepasi proses kelulusan jenis kenderaan motor.

"Semua kenderaan akan diwajibkan mematuhi standard dan peraturan teknikal pembuatan kenderaan yang diiktiraf serta diguna pakai pada peringkat antarabangsa bawah seliaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

"MIROS juga melancarkan program penilaian dan penarafan keselamatan kenderaan motor seperti ASEAN New Car Assessment Program (ASEAN NCAP) dan Malaysia Motorcycle Assessment Program (MyMAP) bertujuan meningkatkan tahap keselamatan kenderaan motor melalui pemasangan teknologi keselamatan baharu serta terkini," katanya.

Berhubung perancangan masa depan pula, Hasbi memaklumkan, kementerian menyasar untuk mengurangkan 50 peratus angka kematian akibat nahas jalan raya menjelang 2023, melalui Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (PKJRM) 2022-2030.